

Kewajaran kenaikan tarif air pada masa ini



Oleh **PROF MADYA DR. HALIZA ABDUL RAHMAN**

AIR adalah keperluan asas manusia yang paling utama selepas udara. Malah, akses kepada air bersih adalah hak asasi manusia sejagat.

Masyarakat hanya tahu mempertikaikan kualiti air yang kuning, kotor dan tidak sesuai diminum terus, berbeza dengan paip seperti di negara maju.

Sebenarnya, air paip yang diproses di loji rawatan selamat diminum terus kerana ia memenuhi piawaian ditetapkan. Begitupun, apabila ia disalurkan ke paip uzur yang mungkin bocor, ia menyebabkan bendasing masuk seterusnya merubah kandungan dan kualiti air yang dibekalkan.

Penggantian paip tersebut pastinya memerlukan kos yang bukan sedikit.

Masyarakat sentiasa menginginkan tarif air yang rendah tetapi pada masa sama menuntut tahap perkhidmatan terbaik.

Atas alasan tersebut tarif air perlu disemak dan diselaraskan.

Jika tidak, pastinya operator air tidak dapat bertahan lama kerana mereka juga dibebani hutang seterusnya berisiko menjejaskan kualiti perkhidmatan operator air.

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) adalah pihak yang mengawal selia industri perkhidmatan air di Malaysia. Pengurusan, rawatan dan pembekalan air terawat berkualiti sememangnya menuntut sumber kewangan sangat tinggi.

Berdasarkan maklumat dalam Malaysia Water Industry Guide (MWIG) 2018, purata kos merawat dan mengagih setiap 1,000 liter air kepada pengguna domestik adalah RM2.31 namun purata harga yang dibayar pengguna untuk setiap 1,000 liter air bagi 20,000 liter pertama adalah 52 sen sahaja.

Baki selebihnya perlu ditanggung oleh operator air.

Maka, dengan pendapatan yang sama sejak 20 tahun lalu, syarikat operator air kini berdepan kesukaran untuk meningkatkan prestasi pengurusan dan penyenggaraan bekalan air terawat berkualiti.

Ini kerana syarikat operator air terpaksa menanggung perbelanjaan mengikut harga pasaran semasa termasuk bagi pembinaan loji baharu.

Pahang misalnya, hanya melakukan semakan kali terakhir berkenaan tarif air atau menaikkan kadar pengguna domestik pada tahun 1983 diikuti Perlis (1996) dan Terengganu (1997).

Hasil kajian mendapati, purata bil air domestik isi rumah di negara ini adalah antara RM14 hingga RM17 sebulan iaitu lebih murah berbanding harga sekotak rokok dan secawan kopi di kafe popular dan terkenal.

Dengan tarif air yang amat rendah dan tidak pun sampai RM1 bagi setiap 1,000 liter air untuk kategori domestik, majoriti syarikat operator air negara ini sudah tidak mampu lagi berdepan cabaran masa depan dalam membekalkan air berkualiti tinggi dan mencukupi bagi memenuhi permintaan masyarakat sekiranya kadar tarif tidak disemak semula.

Ini kerana, purata kadar air yang dibayar pengguna domestik di Malaysia bagi setiap 1,000 liter air hanyalah 52 sen berbanding negara ASEAN lain seperti Singapura yang hampir mencecah RM4 dan Filipina kira-kira RM2.

Sejak tahun 2007, isu penetapan tarif air menjadi topik utama. Umumnya, kos penyelenggaraan air ketika ini jauh lebih tinggi berbanding 25 tahun lalu dan kenaikan tarif air adalah perlu bagi memastikan rakyat kekal mendapat air bersih yang berkualiti pada masa depan.

Rentetan itu, kadar tarif air mungkin akan dinaikkan secara berperingkat pada tahun 2019 selaras dengan usaha kerajaan untuk menstruktur semula industri perkhidmatan bekalan air di negara ini.

Industri perkhidmatan air mencakupi perawatan dan bekalan air serta perkhidmatan pembedungan. Kenaikan tarif air perlu dibuat bagi menampung kos memajukan industri air negara selain memastikan tiada lagi masalah bekalan air.

Setakat ini, Johor dan Sabah mengumumkan tidak akan menaikkan tarif air manakala Pulau Pinang mengesahkan kadar itu akan



ISU penetapan tarif air sering menjadi topik perbincangan saban tahun.
- Gambar hiasan

naik sehingga 20 peratus.

Negeri Sembilan, Perak serta Selangor pula masih mengkaji kesan kenaikan kepada pengguna.

Kadar munasabah

Natijahnya, kebanyakan kerajaan negeri masih meneliti pelbagai faktor berkaitan hal tersebut bagi memastikan pelarasan tarif dipersetujui dan lebih munasabah.

Hal ini kerana cadangan kenaikan tarif air tersebut agak tinggi iaitu menghampiri 50 peratus kenaikan dari kadar sedia ada.

Di Negeri Sembilan, SPAN mencadangkan supaya kadar tarif air di negeri itu dinaikkan kepada RM12.40 bagi 20 meter padu berbanding ketika ini RM11 bagi jumlah sama.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. A. Xavier Jayakumar berkata, kenaikan tarif sumber asli terbabit perlu dilaksanakan bagi menjaga kepentingan pengguna untuk mendapatkan air berkualiti serta menjamin industri itu daripada sudut perkhidmatan.

Menurut beliau, kenaikan berkenaan akan dilakukan pada kadar munasabah dan memberi jaminan ia tidak akan membebankan rakyat khususnya golongan B40.

Kajian Sumber Air Negara tahun 2000 dan kajian semula pada tahun 2011 mencadangkan bagi memenuhi permintaan bekalan air mentah

yang semakin meningkat selaras dengan peningkatan penduduk, empangan dicadang dibina untuk tujuan seperti pertanian, domestik, industri, peladangan dan lain-lain aktiviti sehingga tahun 2050.

Selain itu, pembinaan infrastruktur bekalan air tambahan seperti Loji Rawatan Air bagi meningkatkan mutu sistem agihan bagi tujuan untuk merawat dan mengagihkan bekalan air terawat kepada semua pengguna turut dicadangkan.

Selain itu, berlaku juga peningkatan dalam permintaan bekalan air terawat yang mana purata peningkatan bekalan air terawat adalah antara dua hingga lima peratus saban tahun berikutan pertambahan penduduk dan pembangunan baharu.

Berdasarkan data MWIG 2018, pembekalan air untuk seluruh negara adalah sebanyak 16,884 juta liter air sehari dengan Selangor (Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya) mencatatkan penerima bekalan air tertinggi iaitu 4,842 juta liter air sehari. Atas semua faktor tersebut, tidak dapat dinafikan, kewajaran menyemak kembali tarif dalam keadaan segera perlu dilakukan.

Maka wajar tarif air dinaikkan pada kadar yang berpatutan namun pada kadar yang mampu diserap selain tidak membebankan rakyat iaitu bukannya sebagai 'satu bentuk hukuman' kepada mereka.

Isu berhubung penggunaan air secara berlebihan oleh rakyat negara ini bukanlah perkara baharu malah sering dikaitkan dengan sikap masyarakat sendiri.

Persoalannya, berapa ramaikah antara ahli masyarakat yang berjaya mematuhi usaha menghargai sumber alam yang berharga ini?

Tidak dapat dinafikan terdapat sebahagian ahli masyarakat yang tidak kisah untuk berbelanja besar demi mengejar status dan gaya tetapi berkira dalam perihal mendapatkan kualiti air bersih terawat.

PENULIS merupakan Ketua Laboratori Kesejahteraan dan Kesihatan Sosial Belia Institut Pengajian Sains Sosial Universiti Putra Malaysia (UPM) dan pensyarah Kanan di Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM.